

23 JUL 1999

Rafidah-Azizah

HAK WAN AZIZAH UNTUK BERTANDING, KATA RAFIDAH

KUANTAN, 23 Julai (Bernama) -- Hasrat Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang merupakan hak beliau dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

"Tak apalah, itu hak dia nak bertanding tetapi saya yakin orang yang berfikir secara rasional tidak akan terbawa-bawa dengan sokongan yang keterlaluan dan tidak berhaluan terhadap mana-mana individu," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan wakil-wakil persatuan wanita Pahang di sini.

Beliau diminta mengulas laporan bahawa Wan Azizah akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang tetapi setakat ini kawasanya belum ditetapkan.

Rafidah berkata kenyataan isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu jelas menunjukkan bahawa beliau bukan sangat hendak memperjuangkan nasib suaminya, tetapi rupa-rupaya turut mempunyai cita-cita politik.

"Pada saya, kalau seorang isteri nak memperjuangkan suaminya, sebagai seorang Islam banyak-banyak berdoa, berzikir, berserah kepada Allah dan bersabar," katanya.

Katanya, sokongan yang ditunjukkan terhadap mana-mana individu itu tidak harus sampai membawa kepada keadaan porak peranda sama ada di dalam parti, kerajaan atau masyarakat.

"Kita berjuang untuk kepentingan ramai, kita berjuang atas landasan parti dan siapa yang memimpin parti, itulah ketua kita. Jadi tak perlu taksud kepada mana-mana pihak dalam hal ini," katanya.

Mengenai permohonan maaf oleh Tengku Razaleigh Hamzah kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad, Rafidah berkata sikap itu sepatutnya dicontohi kerana permusuhan dalam politik tidak akan kekal jika perjuangan itu menuju ke arah yang sama.

"Itu sebagai contoh kerana titik hitam parti ialah semasa Tengku Razaleigh bertanding merebut jawatan Presiden Umno dahulu tetapi pengajaran membawa kita ke jalan yang baik," katanya.

-- BERNAMA

ROS MAI